

AKAUN SATELIT PELANCONGAN WILAYAH (ASPW) SABAH 2022 REGIONAL TOURISM SATELLITE ACCOUNT (RTSA) SABAH 2022



RTSA Sabah 2022 dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah (KePKAS) dan Lembaga Pelancongan Sabah (LPS). RTSA Sabah 2022 menyediakan statistik bagi mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah. Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi dan unjuran serta dapat membantu merancang pembangunan perniagaan, khususnya industri pelancongan.

SABAH DEPARTING VISITOR SURVEY, 2022

Pelawat merujuk kepada *traveller* yang melakukan aktiviti perjalanan ke destinasi utama di luar dari persekitaran biasa dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan, selain daripada diambil bekerja oleh entiti residen di tempat yang dilawati. Berikut ialah senarai tujuan utama lawatan;

- Perniagaan dan profesional;
- Percutian, mengisi masa lapang dan rekreasi;
- Melawat rakan dan saudara mara;
- Pendidikan dan latihan;
- Kesihatan dan rawatan perubatan;
- Hal-hal keagamaan/ menziarahi ke tempat suci keagamaan;
- Membeli-belah; dan
- Transit.

Bagi situasi di Malaysia, senario balik kampung yang diamalkan oleh residen semasa musim perayaan juga didefinisikan sebagai pelancongan. Pelawat boleh diklasifikasikan kepada dua kategori:

- Pelancong : Jika perjalanan melibatkan tidur bermalam
- Pelawat harian : Jika perjalanan mengambil masa kurang daripada 24 jam

Objektif survei ini ialah untuk mendapatkan maklumat berkaitan tingkah laku pelancongan, profil demografi dan perbelanjaan pelawat ke Sabah.

06
BULAN

TEMPOH SURVEI

Bermula Julai hingga Disember 2022

LAPANGAN TERBANG

- Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
- Lapangan Terbang Sandakan
- Lapangan Terbang Tawau

03
LOKASI

22
ORANG

PENEMURAMAH

Ditugaskan di lapangan terbang untuk membuat kutipan data

KATEGORI RESPONDEN

- Pelawat dari luar negara
- Sarawak
- Semenanjung Malaysia

03
JENIS

02
KAEDAH

SISTEM TANGKAPAN DATA

- Pengisian borang
- Imbasan kod QR (atas talian)

Faktor utama yang mempengaruhi keputusan untuk melawat Sabah

1 Mudah di akses

2 Melawat tempat tarikan pelancongan di Sabah

3 Saranan saudara-mara/ rakan

Pelawat mengikut jantina



Lelaki
57.6%



Perempuan
42.4%

Perkara yang menarik minat pelawat ke Sabah



Keindahan pulau dan pantai



Eko-pelancongan




Syurga makanan


Tujuan utama ke Sabah



Jenis penginapan




Lokasi tumpuan untuk membeli-belah di Kota Kinabalu



Antara lokasi tumpuan untuk membeli-belah di Kota Kinabalu ialah pusat membeli-belah Imago, pasar malam Kota Kinabalu dan pasar kraftangan. Makanan tempatan dan makanan laut kering adalah antara item yang banyak dibeli ketika melawat di Sabah.

Barangan yang dibeli semasa di Sabah




Lembaga Pelancongan Sabah melaporkan ketibaan pelawat di Sabah pada 2022 seramai 1.7 juta pelawat meningkat 365.5 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 0.4 juta). Pelawat dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak kekal sebagai penyumbang utama (1.4 juta pelawat) kepada ketibaan pelawat, sementara Brunei, Korea Selatan dan Indonesia merupakan 3 negara teratas berbanding semua pasaran antarabangsa yang lain.


Berdasarkan laporan RTSA 2022, **Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP)** Sabah pada 2022 bernilai RM13.0 bilion dengan sumbangan 10.7 peratus kepada keseluruhan ekonomi Sabah. NDKIP merupakan asas pengukuran bagi menilai prestasi industri pelancongan Sabah. Perbandingan dengan nasional pula, pelancongan Sabah menyumbang 5.2 peratus kepada pelancongan Malaysia.



RM13,012.3 juta



PELANCONGAN *INTERNAL* = PELANCONGAN *INBOUND* + PELANCONGAN DOMESTIK




Penggunaan pelancongan *internal* di Sabah mencapai RM6.1 bilion, 56.5 peratus disumbangkan oleh perbelanjaan pelancongan **domestik**.

Perbelanjaan pelancongan *inbound* di Sabah merujuk kepada perbelanjaan oleh pelawat dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan luar negara telah mencatatkan RM2.7 bilion. Semenanjung Malaysia adalah penyumbang utama kepada perbelanjaan tersebut. Daripada jumlah perbelanjaan pelancongan *inbound*, 35.1 peratus adalah perbelanjaan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan perbelanjaan minyak kereta.

Perbelanjaan pelancongan **domestik** merujuk kepada perbelanjaan pelancongan oleh residen Sabah dengan merekodkan RM3.5 bilion pada 2022. Perbelanjaan ini dengan sumbangan 47.2 peratus bagi aktiviti membeli-belah mendominasi perbelanjaan pelancongan domestik di Sabah.

PENGLIBATAN GUNA TENAGA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN SABAH 2022



Jumlah guna tenaga dalam industri pelancongan merekodkan 22.8 peratus daripada keseluruhan guna tenaga di Sabah iaitu seramai 427.0 ribu orang. Daripada jumlah tersebut, 191.6 ribu orang (44.9%) adalah guna tenaga dalam Perkhidmatan penginapan dan penyediaan makanan & minuman.

